

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 29 MEI 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 14

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1131-L611
Datuk Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada Kerajaan boleh menimbang untuk mengeluarkan 10% dari jumlah AP yang dikeluarkan pada tahun 2006 ini untuk import kereta terpakai kepada bukan bumiputera dan apakah kelayakan bumiputera dan bukan bumiputera untuk mendapat AP.
2. PN-1131-L276
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah dalam kebanyakan kes zina dan sumbang mahram yang dibicarakan, perempuan yang melahirkan anak luar nikah sahaja yang didenda tetapi lelaki yang menghamilkan dibebaskan. Apakah Kerajaan tidak bercadang supaya pendakwa syarie mengguna pakai ujian DNA ketika mengendalikan kes pendakwaan untuk membolehkan golongan lelaki ini disabitkan dengan pertuduhan zina dan sumbang mahram di mahkamah syariah.
3. PN-1131-L764
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah strategi TNB untuk mengurangkan impak inflasi ataupun "Multiplier Effect" kenaikan tarif kepada ekonomi negara ekoran peningkatan tarif elektrik.
4. PN-1131-L750
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan hala tuju Kementerian dalam bidang Bioteknologi selain dari membuat ucapan dasar untuk memajukan industri ini. Adakah Kementerian sudah mengenal pasti industri-industri pioneer yang akan dapat menyempurnakan hasrat Malaysia menjadi pengeluar produk-produk bioteknologi. Adakah rancangan dan usaha-usaha Kementerian untuk mengkomersialkan hasil kajian yang sudah ada di universiti-universiti tempatan.

5. PN-1131-L390
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah usaha yang telah dikenal pasti bagi memajukan tanah rizab Orang Asli yang terbiar. Jika ada, apakah bentuk yang boleh disalurkan untuk meningkatkan ekonomi masyarakat berkenaan.
6. PN-1131-L810
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewajibkan kepada pemberi-pemberi pinjaman kredit yang berlesen untuk mempamerkan kos sebenar faedah yang dikenakan bagi sesuatu jumlah pinjaman yang juga mengambil kira faktor masa.
7. PN-1131-L322
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menjadikan "Seni Muzik" sebagai salah satu mata pelajaran pilihan di dalam peperiksaan SPM.
8. PN-1131-L716
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memupuk perpaduan di antara kaum khususnya dalam menentukan rakyat berbilang kaum dapat memahami adat resam dan kebudayaan antara satu sama lain.
9. PN-1131-L452
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kemajuan peningkatan sistem penyampaian pejabat-pejabat tanah, adakah KPI ditetapkan dan apakah langkah-langkah diambil untuk menghalang pertukaran hak milik tanah yang palsu.
10. PN-1131-L418
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan masih menitik berat sistem kuota untuk bumiputera atau bukan bumiputera dalam projek perumahan swasta mahupun Kerajaan. Pada pendapat Kerajaan pengurangan harga 5% dalam projek perumahan untuk kuota bumiputera masih relevan atau tidak.
11. PN-1131-L698
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah penerima bantuan kebajikan sekarang dan senaraikan jenis-jenis bantuan yang diberikan oleh pihak Kementerian.

12. PN-1131-L189
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada kajian saintifik dilakukan untuk mengkaji sejauh manakah kejayaan objektif integrasi kaum dalam Sekolah Wawasan yang sedia ada dan apakah keputusannya.
13. PN-1131-L474
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bilangan penyertaan kaum India dalam Rancangan Pembangunan Tanah Persekutuan seperti FELDA, FELCRA dan sebagainya.
14. PN-1131-L513
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik graduan-graduan yang menganggur sehingga Mac 2006. Nyatakan tindakan susulan Kerajaan bagi mengatasi masalah ini dan tindakan pencegahan bagi mengelakkan kejadian seumpama ini berulang lagi.
15. PN-1131-L219
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apabila berlaku kes kematian di hospital Kerajaan ataupun swasta, adakah hasil siasatan punca atau sebab kematian itu diumumkan kepada orang ramai.
16. PN-1131-L664
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah persiapan, program dan sasaran Kerajaan bagi meningkatkan jumlah pelancong luar negara melawat Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 bagi membolehkan negara menjadi sebuah destinasi pelancongan yang terunggul di rantau ini.
17. PN-1131-L342
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan projek-projek penting dan kosnya yang dilaksanakan di Terengganu mulai tahun 2004 dan dari punca mana projek-projek ini dibiayai.
18. PN-1131-L702
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bagaimanakah penswastaan loji bekalan air yang sedia ada akan diselaraskan dalam kerangka pengurusan secara holistik. Apakah perancangan dan jangka waktu Kementerian untuk menggabungkan pengurusan bekalan air dan pengurusan sistem pembedungan di negara ini.

19. PN-1131-L530
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk membantu setinggan yang miskin yang tidak mendapat rumah kos rendah Kerajaan dan tidak mendapat pampasan sedangkan rumah mereka dirobohkan seperti kes yang berlaku kepada 22 orang penduduk setinggan di AU 3 Ampang baru-baru ini.
20. PN-1131-L360
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan pengetua sekolah-sekolah menengah di Sarawak yang layak ataupun telah dinaikkan pangkat ke pengetua kanan (dari skala DG48 ke DG52) dan apakah kriteria yang telah ditetapkan bagi kenaikan pangkat dari pengetua ke pengetua kanan.
21. PN-1131-L406
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah pengukuhan integriti yang telah dilakukan di peringkat Kementerian selaras dengan pelan integriti nasional yang diwujudkan.
22. PN-1131-L235
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan dapat memastikan kaum bumiputera dapat mencapai ekuiti 30% secepat mungkin dalam tempoh menjelang 2020 bagi menangani masalah ketidakseimbangan ekonomi antara kaum.
23. PN-1131-L256
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pelan tindakan dan program untuk memperkasakan belia selaras dengan aspirasi RMK-9 dan apakah cadangan Kementerian untuk menyerapkan belia-belia yang tercicir dari sistem pendidikan agar mereka turut berperanan dalam merealisasikan Wawasan 2020.
24. PN-1131-L803
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah kadar pengangguran di kalangan graduan lepasan ijazah, diploma dan pelajar sekolah menengah sekarang dan dalam anggaran lima (5) tahun akan datang. Apakah langkah-langkah konkrit yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.
25. PN-1131-L554
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meneruskan penswastan air dan apakah kajian menyeluruh telah dibuat terutamanya dari sudut kemungkinan harga tarif air yang akan meningkat dan menjejaskan kualiti hidup rakyat.

26. PN-1131-L578
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah perkembangan konsep Islam Hadhari telah dilaksanakan oleh Kerajaan dengan memberikan satu atau dua contoh yang boleh dibanggakan.
27. PN-1131-L484
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Akta Alam Sekitar 1974 yang mengawal sisa industri yang dibuang di kawasan awam sudah hilang kesan dan penguatkuasaan yang terlalu lemah hingga menyebabkan aktiviti ini gagal dikawal serta apakah laporan terkini kesan pembuangan toksik secara haram yang berlaku di Labis.
28. PN-1131-L138
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **PERDANA MENTERI** menyatakan objektif, hala tuju, perkembangan dan khususnya perancangan bagi Unit Penyelidikan Parlimen yang baru ditubuhkan pada November 2005.
29. PN-1131-L389
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kementerian bercadang menambah pembekalan elektrik Solar Hybrid Sistem 24 jam di lokasi pedalaman dan luar bandar dalam RMK-9. Jika ada nyatakan lokasi yang dicadangkan berserta kos yang dijangka terlibat.
30. PN-1131-L492
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berpuas hati dengan hukuman yang dikenakan kepada Pendatang Asing Tanpa Izin setakat ini memandangkan mereka yang pernah dihukum didapati masih mengulangnya lagi.
31. PN-1131-L604
Datuk Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah benar bahawa Pusat Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) di Sungai Buloh akan ditukarkan namanya kepada Bandar Perindustrian Sumber Getah (Rubber City). Sekiranya benar:-
- (a) apakah pekerjaan alternatif ataupun bayaran pampasan kepada kesemua pekerja yang terlibat; dan
 - (b) sejauh manakah penyelidikan getah akan terus dijalankan.

32. PN-1131-L785
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah strategi Kerajaan bagi memastikan Malaysia mengekalkan daya saing dalam sektor pertumbuhan baru seperti ICT dan bioteknologi, berbanding dengan negara lain yang terlebih dahulu turut terbabit dalam sektor berkenaan.
33. PN-1131-L208
Datin Naomi Chong Set Mui minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan terdapatnya kes-kes dadah dan bunuh yang membawa kepada hukuman mati mandatori sekiranya disabit kesalahan, masih berlaku, adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula hukuman mati bagi kes-kes tersebut seperti yang dilaporkan baru-baru ini.
34. PN-1131-L628
Dato' Rhina Bhar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam tempoh lima tahun yang lepas berapakah warganegara Malaysia yang mendapat biasiswa untuk belajar di luar negara. Namakan jenis-jenis kursus profesional yang telah mereka ambil dan daripada jumlah itu berapakah jumlah mereka daripada golongan kaya yang berjaya mendapat biasiswa tersebut.
35. PN-1131-L736
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan 'weightage' atau ukuran kepentingan yang diberi pada tiap satu industri sektor pertanian berasaskan ciri-ciri pertumbuhan nilai tambah, hasil, penjanaan pekerjaan dan sumbangan pada pertumbuhan sektor itu sendiri. Umpamanya adakah penternakan lebih berdaya maju dan memenuhi kriteria-kriteria tadi atau sebaliknya hortikultur. Dari situ dapatkah Kementerian mengenal pasti industri manakah akan dijadikan industri penjana atau 'lead industries' sektor pertanian.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **YAB. Perdana Menteri** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha Kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah Negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan Negara bersama-sama Kerajaan ke arah menjadi Negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah [25 Mei, 2006]

2.	(D.R. 7/2006)	Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2006	Bacaan Kali Yang Kedua
3.	(D.R. 5/2006)	Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006	“
4.	(D.R. 4/2006)	Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006	“
5.	(D.R. 8/2006)	Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 2006 ;	“
6.	(D.R. 9/2006)	Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2006;	“
7.	(D.R. 3/2006)	Rang Undang-undang Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006;	“
8.	(D.R. 6/2006)	Rang Undang-undang Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006;	“
9.	(D.R. 26/2005)	Rang Undang-undang Makanan (Pindaan) 2005; dan	“
10.	(D.R. 2/2006)	Rang Undang-undang Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia 2006.	“

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.9	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Felda Bagi Tahun 2001 (Telah Diaudit)	29 Mei 2006
ST.10	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Felda Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	29 Mei 2006
ST.11	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sabah Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit)	29 Mei 2006
ST.12	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Bagi Tahun 2003	29 Mei 2006
ST.13	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaya Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	29 Mei 2006
ST.15	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit)	29 Mei 2006
ST.16	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Putra Malaysia (UPM) Bagi Tahun 2004	29 Mei 2006
ST.17	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTTHO) Bagi Tahun 2003	29 Mei 2006
ST.31	Laporan Tahunan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	29 Mei 2006
ST.32	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tahun 2001 (Telah Diaudit)	29 Mei 2006

<u>TAHUN</u> <u>2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.101	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Pertanian Malaysia (BPM) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	29 Mei 2006
ST.112	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	29 Mei 2006
ST.116	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Koko Malaysia Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	29 Mei 2006
DN. 1	Penyata Khas Jawatankuasa Pemilihan Dewan Negara Menurut Peraturan Mesyuarat 70 (2) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara	29 Mei 2006

Dikemukakan Oleh :

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Bin
Pawanteh.
Tuan Yang Di-Pertua Dewan Negara
[Pengerusi]